



**PEMBERITAHUAN TAWARAN  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Tajuk Tawaran :

**PEMBEKALAN BARANG GUNAHABIS (CONSUMABLES) TONER  
MESIN MENCETAK BAGI KEGUNAAN KEMENTERIAN  
KEWANGAN DAN EKONOMI SELAMA SATU (1) TAHUN  
(RETENDER)**

Bilangan Tawaran :

KKE/BTM/PROC/2025/1 (R)

Yuran Tawaran/Dokumen :

\$30.00 (Tidak dikembalikan)  
\$5.00 bagi yuran e-dokumen (Tidak dikembalikan)

**Syarat-syarat tawaran:**

1. Tawaran-tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam..
2. Yuran tawaran (*Tender Fee*) berharga **\$30.00 (BND: Tiga Puluh Ringgit sahaja)** dan yuran **e-dokumen berharga \$5.00 (BND: Lima Ringgit sahaja)** tidak akan dikembalikan kepada setiap penender yang ikut serta dalam tawaran ini sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya. Pembayaran yuran tawaran dan e-dokumen adalah dengan **WANG TUNAI** sahaja dan hanya boleh dibuat di **Kaunter Unit Perkhidmatan Kewangan, Tingkat 15, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan**, pada hari dan waktu bekerja iaitu pada **hari** :

<b>Hari</b>	<b>Waktu</b>	
	<b>Pagi</b>	<b>Petang</b>
Isnin hingga Khamis	8:00 pagi hingga 11:30 pagi	2:00 petang hingga 2:30 petang
Sabtu	8:00 pagi hingga 10:30 pagi	

3. Tempoh sah laku (*validity*) tawaran hendaklah sekurang-kurangnya **enam (6) bulan** dari tarikh tutup tawaran. Tawaran yang mempunyai tempoh sah laku yang kurang dari tempoh tersebut dengan sendirinya ditolak dari menyertai tawaran ini
4. Dokumen tawaran akan dihantar melalui e-mel kepada penender yang ikut serta dengan memberikan keterangan syarikat seperti nama, nama syarikat, alamat, nombor telefon *contact person* dan alamat e-mel beserta dengan salinan resit pembayaran Yuran Tawaran dan Yuran e-dokumen kepada [mofe.it@mofe.gov.bn](mailto:mofe.it@mofe.gov.bn) setelah pembayaran sah dibuat.
5. Dokumen tawaran hendaklah menggunakan borang yang disediakan dan diisikan dengan lengkap serta menyertakan salinan Sijil Syarikat yang berdaftar di Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan Brunei Darussalam.
6. Dokumen tawaran yang lengkap hendaklah dihantar dengan menggunakan sampul surat tertutup (*sealed envelope*) dan dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran yang disediakan di Tingkat 1, Kementerian Kewangan dan Ekonomi** tidak lewat hari **Selasa, 21 Oktober 2025 jam 2.00 petang**.

Bahagian atas sampul surat tersebut hendaklah ditulis tajuk tawaran dan tarikh tutup tawaran tanpa menunjukkan identiti syarikat di mana-mana bahagian sampul surat yang digunakan dan dialamatkan kepada:

**PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL,  
TINGKAT 1, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI,  
COMMONWEALTH DRIVE,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

7. Dokumen tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan dan dikira sebagai sebut harga yang ditolak dan dibatalkan.
8. Keterangan lanjut mengenai syarat dan peraturan tawaran hendaklah dibaca dan difahami di dalam dokumen tawaran tersebut.
9. Hanya syarikat yang berjaya sahaja yang akan dimaklumkan.
10. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperoleh akan dikenakan denda selaras mengikut Garispanduan Peraturan Kewangan 2022.